

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA**  
**(BIDANG KUASA RAYUAN)**  
**RAYUAN SIVIL NO: W-02(IM)-1025-08/2020**

**ANTARA**

**DR ZAKIR ABDUL KARIM NAIK  
( NO. MTPR : 651018-75-5049 )**

**... PERAYU**

**DAN**

**RAVEENTHARAN A/L SUBRAMANIAM  
(NO. K/P : 600316-07-5631**

**... RESPONDEN**

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA KUALA LUMPUR**  
**DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**  
**GUAMAN SIVIL NO: WA-23CY-69-12/2019**

**ANTARA**

**DR ZAKIR ABDUL KARIM NAIK  
( NO. MTPR : 651018-75-5049 )**

**... PLAINTIF**

**DAN**

**RAVEENTHARAN A/L SUBRAMANIAM  
(NO. K/P : 600316-07-5631**

**... DEFENDAN**

## **ALASAN PENGHAKIMAN**

### **(KANDUNGAN 6)**

#### **PENDAHULUAN**

- [1] Ini adalah permohonan yang difaiklan oleh pihak Defendan untuk memindahkan prosiding ini ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dibawah Aturan 57 Kaedah 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, Kandungan 6.

#### **KEPUTUSAN MAHKAMAH**

- [2] Setelah Mahkamah ini membaca afidavit-afidavit dan hujahan bertulis serta hujahan lisan oleh kedua-dua belah pihak, Mahkamah ini telah memutuskan bahawa Permohonan Kandungan 6 dibenarkan dengan kos dalam kausa. Mahkamah juga membenarkan penggantungan kes ini sehingga Rayuan ke Mahkamah Rayuan . Pada 10.8.2020, Plaintiff telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan saya. Maka ini adalah alasan penuh penghakiman saya.

#### **LATAR BELAKANG**

- [3] Plaintiff adalah penduduk tetap Malaysia yang juga merupakan seorang Dai'e atau Pendakwah Islam, perunding dan ahli perniagaan yang beralamat penyampaian di No. 17 P 14 a , Jalan 1/1 ,Presint 14, 62050 Putrajaya.

- [4] Manakala Defendan merupakan seorang Peguambela dan Peguamcara yang beralamat penyampaian di Tetuan Raveen Associates, No. 15 Lorong Endah 4, Taman Brown , 11700 Penang.
- [5] Pihak Plaintiff memfailkan Writ Saman ini ke atas Defendan kerana Defendan telah, dalam beberapa kejadian memfitnah atau mencemuh atau mengaibkan Plaintiff di laman Facebook kepunyaan Defendan. (perkataan-perkataan fitnah tersebut bukanlah menjadi isu dalam Permohonan Lampiran 6 dihadapan saya pada ketika ini).

## **HUJAHAN DEFENDAN**

- [6] Defendan pada 28.1.2020 telah memfailkan permohonan ini untuk memindahkan prosiding in ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang atas alasan berikut :-
- i. Alamat tempat tinggal Defendan adalah di Georgetown, Pulau Pinang.
  - ii. Defendan adalah seorang Peguambela & Peguamcara yang beramat di Pulau Pinang.
  - iii. Facebook Defendan dibawah gaya nama ‘Raveentharan Subramaniam’ menunjukkan bahawa Defendan adalah dari dan berada di Pulau Pinang.
  - iv. Saksi-saksi Defendan yang bakal dipanggil adalah di Pulau Pinang.
  - v. Kausa tindakan wujud di Negeri Pulau Pinang.

## **HUJAHAN PLAINTIF**

[7] Plaintiff tidak bersetuju dan menyatakan seperti berikut:

- (a) Guaman ini telah difaiklan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kerana kausa tindakan guaman ini berbangkit di Putrajaya didalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur;
- (b) Kausa tindakan guaman ini berbangkit apabila fitnah yang dibuat oleh Defendan dilaman facebooknya dibaca oleh Plaintiff dan bukannya semasa Defendan menulis fitnah tersebut;
- (c) Bahawa fitnah yang dibuat oleh Defendan terhadap Plaintiff dilaman Facebook Defendan boleh diakses melalui atas talian dan tidak tertakluk kepada tempat dimana fitnah tersebut dibuat ;
- (d) Bahawa Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur merupakan forum yang sesuai dan bidangkuasa untuk mendengar dan membicarakan kes ini; dan
- (e) Saksi-saksi Plaintiff adalah kebanyakannya bekerja dan / atau tinggal di Lembah Klang.

## **UNDANG-UNDANG**

[8] Mengikut Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hendaklah terdapatnya 2 Mahkamah Tinggi di Malaysia yang mana Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.Kedua-dua Mahkamah ada bidangkuasa untuk mendengar apa-apa pertikaian yang berbangkit dari bidangkuasa tersebut.

Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti berikut:-

- (1) Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya , iaitu-
  - (a) satu di Negeri-Negeri Tanah Melayu, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di Kuala Lumpur; dan
  - (b) satu di Negeri Sabah dan Sarawak , yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat di Negeri Sabah dan Sarawak yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

[9] Order 57 Rule 1 of the Rules of Court 2012

“(1) Where the Judge of the High Court or a Judge of the Sessions Court or a Magistrate is satisfied that any proceedings in that Court can be **more conveniently or fairly tried** in some other Court of co-ordinate jurisdiction, he may on application by any party, order the proceedings to be transferred to the other Court.

- (4) Before making any order to transfer any proceedings from-
  - (a) the High Court to another High Court of co-ordinate jurisdiction;
  - (b) a Subordinate Court to the High Court;
  - (c ) the High Court to a Subordinate Court; or

- (d) a Subordinate Court to another Subordinate Court, the High Court Judge or the Judge of the Sessions Court or Magistrate, as the case may be, shall take into consideration whether the High Court or Subordinate Court which shall hear the case is located at or nearest to the place where-
- (A) the cause of action arose;
  - (B) the defendant, or one of the several defendants, resides or has his place of business;
  - (C) the facts on which the proceedings are based exist or are alleged to have occurred;
  - (D) the land the ownership of which is disputed is situated;  
or
  - (E) for other reason it is desirable in the interests of justice that the proceedings should be transferred.

[10] Section 23(1) of the Court of Judicature Act 1964.

Subject to the limitations contained in Article 128 of the Constitution the High Court shall have jurisdiction to try all civil proceedings where-

- (a) the cause of action arose; **or**
- (b) the defendant or one of several defendants resides or has his place of business; **or**
- (c) the facts on which the proceedings are based exist or are alleged to have occurred; **or**
- (d) any land the ownership of which is dispute is situated:

within the **local jurisdiction** of the Court and notwithstanding anything contained in this section in any case where all parties consent in writing within the local jurisdiction or the other High Court”

[11] Section 3 of the Court of Judicature Act 1964

“local jurisdiction” means-

(a) In the case of the High Court in Malaya, the territory comprised in the States of Malaya, namely, Johor, Kedah, Kelantan, Malacca, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu and the Federal Territory of Kuala Lumpur”.

[12] Saya juga merujuk kepada kes *Sova Sdn. Bhd v. Kasing Sayang Realty Sdn. Bhd. [1988] 2 MLJ 268*, **Lim Beng Choon J** (beliau ketika itu) telah memutuskan bahawa

“ It is quite obvious that in creating a branch of the High Court in Malaya in each state, **the legislature had two things in mind:-**

(i) To enable the parties of a civil suit **to have easy access** to a branch of the High Court in Malaya located in a state where either the plaintiff or the defendant resides. When a person is sued for breach of contract or for that matter a tortious act when the breach or the tort was committed in the state where he resides, it certainly unreasonable to require him to travel all the way, say, to Kuala Lumpur to defend himself. A part from the expense incurred, the defendant may have to remain in Kuala Lumpur perhaps

one week to participate in the civil proceedings. No doubt he would be compensated in terms of costs should he succeed in defending himself but the inconvenience caused may outweigh the amount of cost awarded to him;

- (ii) **The obvious reason for the setting up of a branch of the High Court in Malaya in every one of the 11 states is to facilitate the disposal of cases in Malaya and to cut down, even if it is not yet possible to obliterate, the backlog of cases pending in any one or more of the branches of such High Court.** For the reasons as stated above, I do not think that the present civil proceedings should be dealt with by this court. I am also of the view that it is for the defendants to apply to this court for a transfer of the civil suit and the application made by the plaintiffs under Order 81(1) to the High Court in Malaya at Penang or Kuala Lumpur since the cause of action arose in Penang but the parties have their places or business in Kuala Lumpur.”

[13] Mahkamah ini juga merujuk kepada kes *Malacca Securities Sdn. Bhd. V. Loke Yu [1999] 6 MLJ Augustine Paul J* (beliau ketika itu) telah memutuskan bahawa:-

“What I have said thusfar would arise for consideration in this case only if, in the first place, the plaintiff's case has been filed in the wrong branch of the High Court

contrary to the provisions of s.23(1) of the CJA. The principal contention of the defendant is that this action should be tried in the High Court in Malaya at Kuala Lumpur in accordance with s. 23(1) of the CJA as he resides there. **It thus becomes necessary to consider the legal effect of the section. It has four subparagraphs. The comma appearing at the end of subparagraphs. (a), (b), (c) and (d) in the section followed by the word “or” means that they must be construed disjunctively.**

[14] Mahkamah Rayuan pula dalam kes *Siti Nur Aishah Ishak v. Golden Plus Holdings Bhd* [2017] 8 CLJ 272 memutuskan seperti berikut:-

“In respect of civil jurisdiction, s.23(1) of the CJA 1964 confers on the High Courts jurisdiction to try all civil proceedings within its respective local jurisdiction . Herein, the determination of which of the two High Court has in fact the territorial jurisdiction to try a particular set of civil proceedings in turn depends on the application and operation of s.23 of the CJA 1964 and any other specific law or ‘Federal law’ as envisaged under Art. 121(1) of the Federal Constitution to the particular facts and nature of those civil proceedings;

Insofar as s.23(1) concerned, the High Court is seized with jurisdiction to try civil proceedings where any of the four prescribed conditions either arose or occurred within its territory. The particular High Court will assume jurisdiction where either the

cause of action arose within its local or territorial jurisdiction; or **where the defendant resides or has his place or business within its local or territorial jurisdiction**, or where the facts on which the proceedings are based or alleged to have occurred within its local or territorial jurisdiction, or where the civil proceedings involve a dispute as to ownership of any land and that land is situated within its local or territorial jurisdiction.”

## **KEPUTUSAN MAHKAMAH**

[15] Dalam kes ini perkara-perkara yang diberi pertimbangan apabila Mahkamah ini membuat keputusan untuk memindahkan kes adalah mengambilkira peruntukan A.57 k.1(4) seperti dibawah:-

- (a) Alamat tempat tinggal Defendan adalah di Georgetown Pulau Pinang dimana adalah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang.
- (b) Defendan adalah seorang Peguambela dan Peguamcara yang beralamat di Tetuan Raveen Associates di alamat No. 15, Lorong Endah 4, Taman Brown, 11700, Pulau Pinang di mana adalah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang.
- (c) Facebook Defendan dibawah gaya nama “ Raveentharan Subramaniam ” menunjukkan bahawa Defendan adalah dari dan berada di Negeri Pulau Pinang dimana adalah bidangkuasa Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang.
- (d) Mahkamah merujuk kepada afidavit yang di ikrarkan oleh Raveentharan A/L Subramaniam pada 28 Januari 2020 bahawa saksi-saksi Defendan yang bakal dipanggil didalam tindakan ini

adalah di Negeri Pulau Pinang. Saksi-saksi yang bakal dipanggil adalah:-

- (i) Prof. Dr. Ramasamy A/l Palanisamy iaitu Timbalan Ketua Menteri II Negeri Pulau Pinang.
- (ii) Mufti Pulau Pinang iaitu Datuk Seri Wan Salim Mohd. Noor.
- (iii) Encik Satees A/l Muniandy iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam di dalam Negeri Pulau Pinang.
- (iv) Pegawai Penyiasat berkenaan nombor repot JELUTONG/008455/19 yang dibuat di Negeri Pulau Pinang.

[16] Mahkamah ini dalam membuat keputusan memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang mengambilkira keputusan yang telah dibuat oleh Augustine Paul J (beliau ketika itu) yang memutuskan seperti berikut:-

“ What I have said thusfar would arise for consideration in this case only if, in the first place, the plaintiff's case has been filed in the wrong branch of the High Court contrary to the provisions of **s.23(1) of the CJA**. The principal contention of the defendant is that this action should be tried in the High Court in Malaya at Kuala Lumpur in accordance with **s.23(1) of the CJA** as he resides there. It thus becomes necessary to consider the legal effect of the section. It has four sub-paragraphs. **The comma appearing at the end of subparagraphs (a),(b),(c) and (d) in the section followed by the word “or” means that they must be construed disjunctively.**”

[17] Mengambilkira keputusan yang dibuat oleh **Augustine Paul J** (beliau ketika itu) peruntukan tersebut hendaklah dibaca secara berasingan (disjunctively).

[18] Prinsip diatas disokong oleh kes *Siti Nur Aishah Ishak* yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan seperti berikut:

“While the respondent’s place of business was indeed one of the conditions prescribed in s.23(1), it was but one of four conditions. **Only one of the four conditions has to be met** in order for the civil proceedings to be tried within the local jurisdiction of the relevant High Court.”

[19] Mengambilkira kira bahawa s.23 (1) CJA hendaklah dibaca secara berasingan (disjunctively) dan cuma salah satu elemen yang perlu dipenuhi , Mahkamah ini berpendapat bahawa pihak Defendan telah memenuhi salah satu elemen dibawah peruntukan tersebut.

[20] Mahkamah ini juga ingin merujuk kepada keputusan **Lim Beng Choon J** ( beliau ketika itu) dalam *Sova Sdn. Bhd v. Kasing Sayang Realty Sdn. Bhd. [1988] 2 MLJ 268* seperti berikut:-

“ **The obvious reason for the setting up of a branch of the High Court in Malaya in every one of the 11 states is to facilitate the disposal of cases in Malaya and to cut down, even if it is not yet possible to obliterate, the backlog of cases pending in any one or more of the branches of such High Court.**”

[21] Mahkamah ini sekali lagi ingin menekankan keputusan **Lim Beng Choon J** (beliau ketika itu) dalam kes *Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd[1988] 2 MLJ* bahawa terdapatnya dua perkara yang difikirkan oleh Badan Perundangan semasa penggubalan peruntukan tersebut, **pertamanya** untuk kemudahan akses pihak-pihak kepada Mahkamah Tinggi di Malaya dan **keduanya** tujuan terdapatnya Mahkamah Tinggi di 11 negeri-negeri tersebut adalah untuk mempercepatkan pelupusan kes dan untuk mengelakkan berlakunya tunggakkan kes di Mahkamah Tinggi di setiap Negeri.

[22] Mengambilkira perkara diatas, adalah sewajarnya kes dipindahkan ke Mahkamah Tinggi yang berdekatan dengan Defendan dan tempat yang bersesuaian dengan Defendan dan saksi-saksi Defendan memandangkan perkara fitnah berbangkit di Pulau Pinang.

### **Kausa Tindakan**

[23] Saya juga ingin menyentuh tentang isu kausa tindakan yang dibangkitkan oleh Plaintiff bahawa :-

- 1) kausa tindakan guaman ini berbangkit apabila fitnah yang dibuat oleh Defendan dilaman facebooknya dibaca oleh Plaintiff di Putrajaya dan bukannya semasa Defendan menulis fitnah tersebut;
- 2) plaintiff telah membaca pernyataan fitnah terhadapnya di Putrajaya oleh itu kausa tindakan berbangkit di Putrajaya;
- 3) plaintiff tinggal di Putrajaya; dan
- 4) kerosakan reputasinya berlaku di Putrajaya.

[24] Defendan pula menyatakan bahawa Plaintiff tidak langsung melampirkan didalam afidavit bertarikh 17.2.2020 perkara-perkara seperti berikut:-

- a) bukti mahupun dokumentasi berkenaan bagaimana tindakan guaman ini berbangkit di Putrajaya .
- b) bukti mahupun dokumen akan kenyataan yang kononnya fitnah dilaman Facebook Defendan terhadap Plaintiff , dan yang kononnya boleh diakses atas talian.
- c) kenyataan bukti mahupun sebarang dokumen akan siapa saksi-saksi yang akan dipanggil oleh Plaintiff.

[25] Mahkamah merujuk kepada afidavit jawapan Plaintiff bertarikh 17.2.2020 dan perkara-perkara dalam perenggan 24 (a) hingga (c) yang ditimbulkan oleh Defendan di atas yang mana tidak diperjelaskan secara terperinci oleh pihak Plaintiff . Kenyataan adalah tanpa sokongan bukti atau dokumen untuk Mahkamah mempertimbangkan secara adil.

[26] Mengambilkira perkara yang ditimbulkan oleh Defendan, Mahkamah ini menerima pakai kes yang dikemukakan oleh Defendan yang diputuskan oleh **Vernon Ong J** (beliau ketika itu) dalam kes *Ringgit Exoticka Sdn Bhd v Pengarah Tanah Galian Selangor & Ors [2013] 10 CLJ 663* yang memutuskan seperti berikut:-

“ .....an affidavit which is based on information and belief but is not stated to be so and **which fails to disclose the sources and grounds will be disallowed in evidence** (Mohamad Hassan & Ors v Dewan Bandaraya Kuala Lumpur & Anor [2002] 1 CLJ 290; [2001] 4 MLJ 423; Pacific Inter-Link Sdn Bhd v Pemilik Kapal atau Vesel “Makatsarija” [2002]

2 CLJ 679). It follows that hearsay evidence which do not disclose the sources and grounds will not be accorded any probative value (Dynacast (S) Pte Ltd v Lim Meng Siang & Ors [1989] 2 CLJ 1116;[1989] 2 CLJ (Rep) 900; [1989] 3 MLJ 456; [1989] SLR 840)."

[27] Plaintiff juga dalam hujahan menyatakan bahawa dalam seksyen 23(1) CJA 1964 dan Aturan 57 k.1 KKM 2012 telah disenaraikan kausa tindakan sebagai perkara pertama dalam susunan dan patut diberi keutamaan . Mahkamah ini berpendapat keputusan oleh **Augustin Paul J** (beliau ketika itu) dan Mahkamah Rayuan dalam kes-kes yang disebutkan diatas adalah jelas bahawa pembacaan peruntukan tersebut adalah secara berasingan dan memadai bagi Defendant memenuhi salah satu dari empat elemen tersebut.

[28] Jika dirujuk kepada kes *Lim Guan Eng v FZ Sdn Bhd & Anor [2015] 8 MLJ 469* Mahkamah Tinggi telah menyatakan bahawa "...*internet services is borderless and the article can be downloaded from any part of the world with internet access including Penang and Shah Alam . Therefore , the place where the cause of action arose could be any place that has internet access. It could be Penang, Shah Alam or some other places.*"

[29] Mahkamah berpendapat bahawa dalam kes ini tiada kepastian bahawa akses tersebut telah dibuat oleh Plaintiff di Putrajaya , dalam *borderless world*, Mahkamah ini berpendapat bahawa Plaintiff boleh sahaja memuat turun dari internet dimana-mana sahaja dan tidak semestinya dari tempat kediaman beliau lebih-lebih lagi Plaintiff adalah seorang Dae'i yang sangat terkenal bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di antarabangsa.

[30] Mahkamah juga berpendapat bahawa dalam kes fitnah adalah lebih wajar penentuan kausa tindakan mengambilkira dimana fitnah dilakukan. Dalam tuntutan ini Facebook Defendan dibawah gaya nama “Raveentharan Subramaniam” dibuat, dikemaskini dan digunakan di Pulau Pinang . Defendan juga tinggal dan beramat di Pulau Pinang . Mahkamah ini juga berpendapat bahawa forum yang bersesuaian adalah di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

[31] Mengambilkira perkara-perkara yang dibincangkan diatas Mahkamah ini berpendapat adalah wajar tuntutan ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dimana Defendan dan juga saksi-saksi Defendan adalah berada di sana dan juga mengambilkira niat atau *spirit* Badan Perundangan semasa peruntukan seksyen 23(1) CJA digubal..

... TT ...

**(LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)**  
Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Ncvc 1  
Kuala Lumpur

**Bertarikh : 12.9.2020**

### **Peguam Bagi Pihak Plaintiff**

Tetuan Akberdin & Co.  
No. AAG/6-Block D,  
Tingkat Bawah,  
Jalan Plumbeum AA7/AA.  
Pusat Komersial Seksyen 7,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsah.

### **Peguam Bagi Pihak Defendan**

Tetuan Baljit Singh & Company  
No. 138-B, Lebuh Melaka  
10400 Pulau Pinang.